

# ORGANISASI KEKELUARGAAN MASYARAKAT CHAM DI MALAYSIA

Siti Nor Awang<sup>1</sup>

## Abstract

This article examines the organisation of the familial system that is found among the Cham community in Malaysia. The Chams in Malaysia are descendants of the community found in Cambodia and Vietnam. Around 1975 following conflict and instability in Indochina, there was large scale migration into Malaysia. This article on the familial system is based on research conducted between February 2006 and September 2006 among the Cham community in Malaysia. The kinship system that developed among the Chams in Malaysia has similarities with the 'Hawaiian oriented system', a term first coined by Murdock in 1949, and which is practised by a major part of the population of Polynesia. The research based on the method of observation indicates there is a mixture of the usage of Cham, Khmer and Malay languages by the community. The research shows that the system of reference that is used to determine a person's position in a family is influenced by the Khmer language, whereas the calling system still retains the usage of the Champa Malay language.

**Keywords:** Chams, kinship, Hawaiian System, family, term of reference

Masyarakat Malaysia khususnya di Semenanjung lebih mengenali Orang Cham dengan panggilan Orang Kemboja. Kumpulan masyarakat ini boleh di temui khususnya di negeri-negeri seperti Pahang, Kelantan, Terengganu, Selangor dan beberapa negeri lain di Semenanjung Malaysia (Mohammad Zain, 2004). Kumpulan ini dikatakan berasal dari keturunan masyarakat yang berasal daripada Kerajaan Champa. Mereka adalah kumpulan masyarakat yang memainkan peranan penting pada zaman kegemilangan Kerajaan Cham antara tahun 192 M sehingga 1835 M (Po Dharma, 1992; Nakula, 1989; Abdul Rahamn Al-Ahmadi, 1988). Sejarah migrasi yang kompleks dan mengambil masa yang cukup panjang memperlihatkan perpindahan dari kawasan asal mereka di Indochina sehinggalah ke Malaysia. Perpindahan penduduk ini bermula akibat serangan musuh dari bahagian utara ke bahagian selatan Kerajaan Champa, yang kini dikenali sebagai Vietnam dan Kemboja. Seterusnya pada era moden ini apabila berlaku ketidakstabilan politik telah menyebabkan mereka mencari perlindungan di sempadan Thailand (Mohammad Zain, 2004, dan Nakula, 1989).

Menurut Nakula (1989) gelombang perpindahan penduduk Kerajaan Champa ini telah melalui lima tahap. Gelombang pertama berlaku pada Abad ke-15 ekoran daripada serangan daripada Vietnam sehingga menyebabkan mereka diusir keluar. Ini diikuti dengan gelombang kedua pada Abad ke-17 juga akibat serangan Vietnam. Seterusnya

gelombang ketiga berlaku pada awal Abad ke-18, diikuti gelombang keempat pada pertengahan Abad ke-18. Gelombang terakhir atau kelima ini berlaku pada Abad ke-20, dan ia merupakan gelombang perpindahan beramai-ramai terbesar, dan telah menjadi 'fenomena politic'. Gelombang ini bermula apabila Khmer Rouge yang diketuai oleh Pol Pot menguasai pemerintahan Kemboja pada tahun 1975-1979. Kekejaman yang dilakukan oleh rejim ini telah menyebabkan sejumlah satu hingga tiga juta penduduk Kemboja telah mati. Masyarakat dunia dikejutkan dengan pembunuhan beramai-ramai tanpa peri kemanusiaan. Punca kematian penduduk adalah disebabkan pembunuhan kejam, kelaparan, penyakit, dan kerja berat (Chandeler, 1992, 1999; Kiernan, 1990, 1996; Ysa Osman, 2000).

Di bawah pentadbiran Khmer Rouge negara Kemboja telah melaksanakan dasar tutup pintu dengan negara luar, justeru untuk membangunkan ekonomi Kemboja regim ini telah merangka rancangan memaksimumkan pengeluaran pertanian. Kaedah yang dilakukan adalah dengan memindahkan penduduk bandar ke kawasan luar Bandar, dan mereka dipaksa untuk bekerja di kawasan pertanian (Fern, 2005). Kegiatan ekonomi ini disifatkan berbentuk *communal* di mana semua rakyat dikehendaki bekerja dan hasilnya untuk kegunaan negara. Rakyat Kemboja telah di klasifikasikan mengikut dua kumpulan utama; *new people* yang merujuk kepada mereka yang ditempatkan di kawasan di bawah kawalan Rejim Khmer Rouge. Sementara satu kumpulan lagi di kenali sebagai *old people* yang merujuk kepada mereka yang di tempatkan di kawasan atau zon Khmer Rouge (Ross, 1990). Pengkelasan ini telah menyebabkan penduduk bandar yang sebelum ini terdiri dari pekerja kolar putih dan peniaga dipaksa melakukan kerja-kerja penanaman padi. Kumpulan ini dilihat menerima tekanan yang paling kuat akibat tidak biasa dengan kerja-kerja berat. Seterusnya masyarakat Kemboja yang terdiri dari pelbagai kumpulan etnik, dan tinggal bersama ahli keluarga telah dipecah-pecahkan kepada unit berbeza. Martin (1994) telah menjelaskan bahawa unit-unit ini terdiri daripada kumpulan kanak-kanak berusia antara tujuh hingga dua belas tahun, sementara ibu bapa dikelaskan di bawah unit yang lain. Kesemua unit-unit ini dipaksa melakukan kerja-kerja di ladang untuk menghasilkan pengeluaran yang maksima. Mereka hanya diberi makan dengan bubur nasi setiap hari dan akibatnya ramai yang mati kebuluran dan menderita sakit kerana kekurangan zat makanan (Ross, 1990).

Kekejaman oleh rejim Khmer Rouge ini memaksa penduduk Kemboja melarikan diri dan cuba mencari perlindungan dari negara jiran terdekat. Kumpulan pelarian ini turut mendapat simpati daripada masyarakat antarabangsa. Kesan lanjut gelombang perpindahan kelima ini turut melibatkan bukan sahaja negara jiran seperti Thailand dan negara Asia Tenggara yang lain, malah negara seperti Amerika Syarikat, Australia, United Kingdom, German, Sweden dan lain-lain bersedia menerima pelarian dari Indochina ini (Supang, 1988).

Kini setelah hampir 36 tahun masyarakat Cham menetap di Malaysia, mereka boleh ditemui di hampir semua negeri di Semenanjung Malaysia. Namun didapati kajian ke atas masyarakat ini masih kurang di lakukan. Kajian yang ada lebih tertumpu kepada aspek sejarah awal kerajaan Champa, Islam di Champa, dan hubungan Kerajaan Champa dan Alam Melayu (Wong, 2008).

Antaranya Abdul Rahman Al Ahmadi (1988), dan Abdullah Mohamad Nakula (1989) memberi tumpukan kepada aspek kebudayaan dan perhubungan masyarakat Cham dan masyarakat Melayu khususnya di negeri Kelantan yang terbentuk semenjak awal abad ke-19. Mohamad Zain Musa (2001, 2004) dan Po Dharma (2003) membincangkan bentuk hubungan Kerajaan Champa dan Alam Melayu menerusi manuskrip dan teks dan babad yang diteliti dan dikaji. Tidak ketinggalan kajian mengenai bahasa Melayu dan bahasa Cham turut diteliti oleh Zakaryya Adam (2003). Sementara kajian awal mengenai Kerajaan Champa dan masyarakat Cham dipelopori oleh pentadbir, pengkaji dan penyelidik Perancis seperti Aymonier (1880), Labussier (1880) dan yang terkini Lafont (1964, 1994, 1995) dan Po Dharman (1990, 2000, 2003). Justeru, demi menyahut cabaran tersebut kajian kontemporari mengenai masyarakat Cham di Malaysia telah dijalankan semenjak 1996. Artikel ini adalah hasil kajian yang telah dijalankan dan akan membincangkan salah satu dari aspek kekeluargaan masyarakat ini. Tumpuan utama diberikan kepada konsep dan bentuk perkahwinan, kekerabatan atau kinship, dan terma rujukan dan panggilan yang digunakan dalam kehidupan seharian.

### Perkahwinan dan Keluarga Masyarakat Cham

Keluarga merupakan unit asas terpenting dalam masyarakat, dan dalam kebanyakan masyarakat khususnya di sebelah timur. Keluarga dibentuk melalui hubungan perkahwinan yang disahkan dan diikuti oleh kelahiran yang diiktiraf. Masyarakat timur menolak bentuk perhubungan di antara lelaki dan perempuan yang tinggal bersama tanpa adanya ikatan perkahwinan. Keadaan ini agak berbeza berbanding dengan masyarakat barat. Kini perkahwinan menjadi semakin kurang penting bagi masyarakat barat. Perubahan ini mula berlaku menjelang Abad ke 20, masyarakat di barat memperlihatkan penerimaan idea kehidupan '*active sex live*' tanpa ikatan perkahwinan sebagai bukan lagi perbuatan taboo. Sebaliknya mereka lebih berkecenderungan memilih untuk membentuk hubungan '*marriage like relationship*', dan bentuk perhubungan ini tidak melibatkan ikatan perkahwinan (Birdwell dan Vander Mey, (2000: 471). Penerimaan dan amalan masyarakat barat dan masyarakat timur jelas memperlihatkan perbezaan yang nyata tentang 'idea perkahwinan'. Walaubagaimanapun sebelum ini ikatan perkahwinan bagi kedua-dua masyarakat barat dan timur adalah penting dan diterima sebagai salah satu asas pembentukan masyarakat.

Perubahan idea perkahwinan ini boleh disorot menerusi pendefinisian konsep keluarga mengikut tempoh masa. Misalnya sehingga tahun 1950an masyarakat barat mendefinisikan keluarga berasaskan kepada tiga perkara penting; perkahwinan, perhubungan sex dan membesarkan anak-anak (Allan, Hawker dan Crow, 2001). Seterusnya mereka menjelaskan bahawa perkahwinan di antara seorang lelaki dan seorang perempuan adalah asas pembentukan sesebuah keluarga dan ini merupakan satu-satunya cara atau kaedah membentuk keluarga baru. Apa yang dijelaskan oleh Allan, Hawker dan Crow (2001) ini selari dengan pendefinisian oleh Murdock (1949) yang membuat kajian lebih awal di kalangan 250 masyarakat yang berbeza. Hasilnya Murdock menyimpulkan keluarga sebagai satu kumpulan sosial yang terdiri daripada

lelaki dan perempuan dan dicirikan dengan beberapa perkara seperti; berkongsi tempat tinggal, membentuk kerja sama ekonomi, dan melahirkan zuriat atau mendapatkan anak angkat, dan hubungan sexual mereka diiktiraf oleh masyarakat. Dalam mendefinisikan konsep keluarga ianya tidak lengkap tanpa merujuk kepada seorang lagi tokoh iaitu Talcott Parson (1955) yang melihat keluarga sebagai sub-sistem yang wujud dalam masyarakat dan menjalankan fungsi dan peranan yang jelas. Di mana setiap unit keluarga yang terdiri daripada lelaki dan perempuan ini saling bekerjasama membesarkan anak-anak dan berkongsi tempat tinggal yang sama. Sementara Burges (1971) menjelaskan keluarga sebagai sekumpulan individu yang disatukan melalui ikatan perkahwinan, mempunyai hubungan darah atau hubungan angkat. Mereka ini mendiami rumah yang sama, berinteraksi di antara satu sama lain berdasarkan peranan sosial masing-masing, dan berkongsi budaya yang sama.

Menjelang Abad ke 21 pendefinisian keluarga ini memperlihatkan berlakunya perubahan yang agak jelas khususnya bagi masyarakat Barat. Perubahan boleh dilihat menerusi pendefinisian oleh DeGenova dan Phillip Rice (1990:2).

*The family is any of persons united by ties of marriage, blood or adoption, or any sexually expressive relationship, in which; the people are committed to one another in a intimate, interpersonal relationship. The members see their identity as importantly attached to the group, and the group has an identity of its own.*

Perubahan yang ketara berlaku pada pendefinisian ini adalah jantina pasangan yang berkahwin tidak dinyatakan. Keadaan ini menjelaskan tren atau perubahan yang berlaku dalam masyarakat di barat kini, khususnya di negara-negara seperti; Denmark, dan Holand, membenarkan perkahwinan di antara pasangan sama jantina. Sementara sepuluh negeri di Eropah, Canada, New Zealand, Israel, dan Afrika Selatan mengiktiraf kehidupan berpasangan atau '*partners*' di antara mereka yang sama jantina (Aulette, 2002). Pengiktirafan yang diberi membawa maksud pasangan sama jantina samaada '*gay*' atau '*lesbian*' diberi status '*civil union partners*' dan mereka mempunyai hak yang sama seperti pasangan berkahwin yang lain. Jika sekiranya mereka ingin berpisah mereka juga perlu mendapat kebenaran daripada '*Family Court*' (Ferdinand, 2000)

Berbeza dengan masyarakat Cham yang melihat perkahwinan sebagai satu bentuk pengiktirafan yang diterima pakai oleh mereka berlandaskan dua aspek penting; agama dan adat. Masyarakat ini menerima ketetapan bahawa perkahwinan yang dibentuk di dalam masyarakat ini adalah berlandaskan sistem *munakahat* seperti yang disarankan oleh ajaran Islam. Setiap perkahwinan bermula dengan pemilihan pasangan dan diikuti dengan istiadat '*akad*' dan '*nikah*' yang merujuk kepada 'kontrak' di antara pasangan berkahwin. Upacara ini dilangsungkan oleh imam atau khadi yang bertauliah dan dengan persetujuan wali.

Pembentukan keluarga bagi masyarakat ini dimulai dengan pencarian pasangan yang bersesuaian dengan status dan kedudukan mereka. Data yang diperolehi melalui kajian lapangan di salah sebuah kawasan penempatan masyarakat Cham di daerah Pekan, Pahang menunjukkan pemilihan pasangan bagi responden adalah seperti pada

Jadual 1. Kumpulan yang ditemubual ini adalah terdiri daripada mereka yang berkahwin di Kemboja, kem pelarian dan di Malaysia. Didapati 84.7 peratus responden berkahwin dengan pasangan yang diatur oleh samada ibubapa, datuk dan nenek, atau saudara mara. Sementara hanya 16.3 peratus lagi menyatakan bahawa mereka memilih sendiri pasangan mereka.

**Jadua 1 : Pemilihan Pasangan Berkahwin**

Pemilihan Pasangan	Bilangan	Peratusan
Ibu bapa		
Datuk/nenek	59	73.8
Saudara-mara	2	2.5
Sendiri	6	7.5
	13	16.3
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>	<b>100</b>

Berdasarkan temubual yang dengan salah seorang *key informant* menyatakan pandangan beliau tentang kecenderungan memilih individu yang mempunyai dan ciri-ciri tertentu bagi lelaki dan wanita;

Saya lebih suka jika anak lelaki saya atau cucu-cucu saya bersetuju memilih pasangan di kalangan mereka yang ada hubungan persaudaraan jauh atau dekat. Biasanya saya dan suami[semasa beliau hidup] kami akan berbincang untuk memilih pasangan bagi anak-anak kami dengan saudara-mara. Biasanya calon lelaki yang akan dipilih perlu mempunyai ciri-ciri seperti tidak meninggalkan sembahyang lima waktu, rajin bekerja untuk mencari rezeki, menghormati orang yang lebih tua, mentaati kedua ibu dan bapa, dan bertanggungjawab. Sementara bagi calon wanita pula perlu pandai menguruskan rumahtangga, menghormati orang tua, taat kepada ibu dan bapa, juga perlu bertanggungjawab.

(Mai Zahara, 86 tahun)

Walaupun bagaimanapun, pemilihan pasangan di kalangan mereka yang mempunyai hubungan persaudaraan adalah dipentingkan, namun mereka cuba mengelak daripada memilih di antara mereka yang mempunyai hubungan sebagai 'sepupu pertama'. Ini kerana 'sepupu pertama' dianggap sebagai terlalu rapat. Kecenderungan memilih mereka yang mempunyai hubungan sebagai 'sepupu kedua' dan 'sepupu ketiga' menjadi keutamaan. Alasan yang diberikan adalah saudara jauh perlu didekatkan supaya hubungan kekeluargaan tidak akan putus. Data daripada survei yang dijalankan di kawasan kajian berhubung dengan perkahwinan dengan pasangan yang mempunyai hubungan persaudaraan adalah seperti pada Jadua 2. Sejumlah 60 peratus daripada responden menyatakan mereka berkahwin dengan pasangan yang mempunyai pertalian saudara.

**Jadual 2: Perkahwinan dan Hubungan**

Pasangan yang mempunyai hubungan keluarga	Bilangan	Peratusan
Ya	48	60
Tidak	32	40
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>	<b>100</b>

Walaupun pada masa kini perkahwinan yang diatur adalah semakin berkurangan, dan didapati kelonggaran diberikan kepada generasi muda untuk memilih pasangan sendiri. Namun kelonggaran tidak bersifat mutlak kerana mereka harus mencari pasangan yang memenuhi kriteria tertentu yang telah ditetapkan oleh ibubapa. Antara kriteria penting pemilihan pasangan pada masa kini adalah beragama (menunaikan solat, khatam Al-Quran, berpuasa dan lain-lain), latar belakang keluarga, sikap rajin bekerja, dan menghormati orang yang lebih tua. Kebiasaan yang berlaku adalah jika pasangan dipilih sendiri ibubapa akan memastikan anak-anak membawa calon pasangan bertemu dengan mereka dan ahli keluarga yang lain (adik-beradik) sebelum persetujuan diberikan. Walaubagaimanapun, bentuk perkahwinan yang diatur masih berlaku di kalangan masyarakat Cham di Malaysia. Antara faktor yang dikenalpasti mempengaruhi pemilihan pasangan berdasarkan penentuan ibubapa atau datuk nenek adalah untuk mengekalkan identiti mereka sebagai Orang Kemboja di Malaysia. Keadaan ini menjadikan bentuk perkahwinan yang diatur masih berlaku sehingga ke hari ini.

Selain itu tujuan sesebuah perkahwinan bagi masyarakat ini juga didasari dengan saranan oleh para ilmuwan Islam yang dipelajari menerusi kitab-kitab terpilih dalam sesi kelas agama yang dijalankan secara aktif di surau di kawasan kediaman mereka. Antara kitab yang dibaca adalah seperti *Al-Ihya' Ulumuddin*, *Bidayatul Hidayah*, *Kitab Adab al-Nikah* karangan Imam Al-Ghazali dan beberapa kitab lain<sup>2</sup>. Justeru tidak hairanlah jika konsep perkahwinan yang menjadi pegangan mereka selari dengan tuntutan Islam. Mereka menerima tujuan perkahwinan dibentuk seperti yang dinyatakan oleh Imam al-Ghazali di dalam kitabnya *Al-Ihya' Ulumuddin* iaitu untuk:

- 1) Dapat menghasilkan keturunan supaya kelangsungan manusia dapat diteruskan, di samping melahirkan anak-anak yang dapat mendoakan untuk kedua ibubapanya setelah kematian mereka.
- 2) Menghilangkan tekanan syahwat seks terhadap wanita yang boleh mengganggu kehidupan dan dalam ibadatnya. Tekanan ini boleh membawa kepada zina mata atau zina faraj. Melalui perkahwinan seseorang itu dapat memelihara diri dari gangguan syaitan yang boleh membawa ke arah perkara yang haram.
- 3) Dengan pergaulan dan percampuran suami isteri dapat mengembirakan serta menjinakkan hati dan perasaan. Di mana perkara ini boleh mendorong dan menguatkan hatinya untuk rajin melakukan ibadat.

- 4) Dapat bermujahadah melawan hawa nafsu di dalam kehidupan berumahtangga, antaranya ialah:
  - i. Dengan menunaikan hak-hak yang diwajibkan terhadap isteri.
  - ii. Bersabar terhadap tingkah laku isteri.
  - iii. Berusaha untuk memperelok akhlak anak dan isterinya serta memberi tunjuk ajar kepada mereka ke jalan agama.
  - iv. Berusaha bersungguh-sungguh mendapatkan rezeki yang halal untuk menyara anak dan isteri.
  - v. Mendidik anak-anak supaya menjadi insan yang berguna.

Oleh itu adalah jelas bagi masyarakat Cham di Malaysia dan juga masyarakat Islam lain melihat perkahwinan sebagai asas penting pembentukan sesebuah keluarga, dan di antara kedua-duanya saling berkaitan. Ikatan perkahwinan menjadi kukuh kerana ia bukan sekadar melibatkan perhubungan di antara individu yang berkahwin sahaja malah juga ikatan di antara dua buah keluarga yang mengahwinkan anak mereka. Juga yang lebih penting ikatan perkahwinan ini melibatkan hubungan manusia dengan Tuhan dan setiap pasangan akan dipertanggungjawabkan di atas ikatan tersebut selepas mereka mati. Masyarakat ini menerima bahawa tanpa perkahwinan keluarga tidak akan terbentuk, tanpa ikatan perkahwinan juga anak-anak yang dilahirkan tidak mendapat pengiktirafan. Segala bentuk perhubungan '*marriagelike relationship*' ditolak, dan idea-idea baru bentuk perhubungan tanpa ikatan perkahwinan tidak diterima oleh masyarakat Cham.

### **Kekerabatan Dalam Masyarakat Cham**

Bentuk perhubungan antara anggota atau ahli dalam sesebuah keluarga mempunyai perkaitan yang rapat dengan konsep kekeluargaan atau kekerabatan juga di kenali dengan *kinship*. Pengiktirafan seseorang ke atas statusnya yang mempunyai perhubungan *kinship* dengan mana-mana ahli kumpulan kekeluargaan memberi makna bahawa beliau mempunyai perhubungan darah ataupun hubungan perkahwinan dengan kumpulan kekeluargaan tersebut. Masyarakat yang berbeza mempunyai bentuk atau keanggotaan *kinship* yang berbeza misalnya khususnya di antara masyarakat timur dan barat. Menurut Giddens (1989) beliau telah menyatakan bahawa masyarakat barat menghadkan keanggotaan *kinship* seseorang kepada saudara dekat sahaja, kebanyakan individu hanya mengenali mereka yang mempunyai hubungan kekerabatan sehingga sepupu pertama dan sepupu kedua sahaja. Walaubagaimanapun, Beattie (1964) berpandangan bahawa kebanyakan masyarakat lain khususnya masyarakat kecil percaya bahawa semua individu dalam kumpulan mempunyai hubungan kekerabatan antara satu sama lain dengan anggota kekerabatan yang lebih luas.

Persoalan yang menarik adalah kenapa keanggotaan *kinship* di antara masyarakat timur dan barat berbeza? Peranan *kinship* atau kekerabatan ini penting dalam semua aspek kehidupan masyarakat khususnya masyarakat kecil kerana ia mempunyai

pertalian yang rapat dengan kelahiran, perkahwinan, kematian, keahlian dalam kumpulan, identiti diri, upacara-upacara ritual dan lain-lain. *Kinship* juga boleh mempengaruhi sikap dan tingkahlaku seseorang individu. Kenyataan ini selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Evan Prichard dan Fred Eggan (1952);

*'a system of dyadic relations between person and person in a community, the behaviour of any two persons in any of these relations being regulated in someway, and to a greater or less extent by social usage'* (Fred, Eggan, Evan, Prichard, 1952: 52-3)

Sementara Robin Fox (1967) melihat *kinship* sebagai satu bentuk perhubungan antara manusia yang dikaitkan dengan perkahwinan, kelahiran, dan kematian. Melalui perkahwinan antara lelaki dan perempuan terbentuk hubungan persemendaan dan melalui perhubungan ini melahirkan anak-anak atau keturunan yang menghasilkan ikatan yang berpanjangan. Seterusnya apabila berlaku kematian akan mengakibatkan berlaku kekosongan dalam kelompok sosial dan pengganti diperlukan. Oleh itu, sistem kekerabatan atau *kinship* boleh dikaitkan dengan ikatan yang terbentuk di antara manusia khususnya yang berkaitan dengan perkahwinan, keturunan dan juga kematian yang memerlukan penggantian ahlinya. Seterusnya terbentuk ikatan sosial di antara mereka dan akhirnya membentuk pola-pola perlakuan serta sikap terhadap satu sama lain. Melalui perhubungan yang terbentuk ini seseorang individu akan menyusurgalurkan semua pertalian kekeluargaan yang wujud dalam keluarga (Fatimah Daud, 1985). Justeru, sehingga kini para sarjana khususnya dalam bidang Antropologi dan Sosiologi telah mengesan beberapa prinsip keturunan yang menjadi asas pembentukan sistem kekeluargaan (Fox, 1967; Gough, 1961; Bohannon dan Middleton, 1968; Pesternark, 1976)

- i. **Matrilineal**- prinsip yang menyusurgalurkan keturunan dari pihak keibuan, dan ini bermakna keanggotaan seseorang dalam kelompok keturunan ditentukan melalui nasab ibu.
- ii. **Patrilineal**- prinsip yang menyusurgalurkan keturunan dari pihak kebapaan, dan ini bermakna keanggotaan seseorang dalam kelompok keturunan ditentukan melalui nasab bapa.
- iii. **Bilateral atau cognatic**- prinsip yang menyusurgalurkan keturunan dari kedua-dua pihak keibuan dan kebapaan, dan ini bermakna seseorang mempunyai bilangan anggota kerabat yang lebih ramai.


Bagi masyarakat Cham di Malaysia organisasi kekeluargaan yang menjadi amalan mereka dikategorikan sebagai *cognatic descent*, secara teori ini bermakna masyarakat ini menyusurgalurkan keturunan mereka berdasarkan kedua-dua belah pihak ibu dan ayah. Atau dengan kata lain keturunan dari sebelah ayah dan ibu merupakan kelompok saudara mereka. Ini pastinya berbeza dengan kelompok keturunan *unilineal* yang menyusurgalurkan keturunan berdasarkan sama ada keturunan pihak bapa yang dikenali sebagai *patrilineal* atau keturunan sebelah pihak ibu yang dikenali sebagai *matrilineal*. Jelasnya *cognatic descent* memperlihatkan bilangan anggota sesuatu kelompok keturunan menjadi lebih ramai berbanding dengan *patrilineal descent* atau *matrilineal descent*. Ini kerana anggota keluarga dari kedua-dua belah pihak ibu dan bapa adalah anggota kelompok keturunan yang diiktiraf sebagai sama. Justeru



tidak berlaku pemisahan atau perbezaan panggilan di antara kedua-dua pihak seperti yang dinyatakan oleh Lela Dube (1996) yang menjelaskan bahawa saudara-mara dari kedua-dua belah pihak ibu dan bapa dirujuk dengan istilah yang sama dan ianya sama seperti yang diamalkan oleh masyarakat Cham dan Melayu.

Organisasi kekeluargaan yang menjadi amalan masyarakat Cham adalah berbentuk *cognatic descent* dan kenyataan ini diakui oleh Lafont (1964) seorang sarjana dari Perancis yang banyak menulis tentang masyarakat Cham di Indochina. Beliau menyatakan bahawa sistem kekeluargaan yang diamalkan oleh masyarakat Cham di Indochina adalah berbentuk '*oriented Hawaiian system*'. Menurut Murdock (1949) '*Hawaiian system*' merupakan salah satu daripada sistem pengkelasan individu yang paling ringkas berbanding sistem pengkelasan lain yang lebih kompleks. Melalui sistem ini panggilan seseorang individu dibezakan antara satu sama lain berdasarkan generasi, dan jantina. Sistem ini mengkelaskan bapa Ego dan saudara lelaki yang berada dalam generasi yang sama dirujuk dengan panggilan '*same kin name*'.

Panggilan ini adalah sama tidak kira individu adalah dari kelompok keturunan sebelah ibu atau bapa. Antara prinsip asas terpenting dalam sistem *Hawaiian* ini adalah prinsip '*older-younger*'. Menurut Murdock (1949) Ego akan merujuk kepada semua ahli perempuan yang berada pada generasi selari dengan ibunya dengan menggunakan pangkal panggilan bermula dengan *mother* atau emak. Begitu juga dengan panggilan kepada generasi bapa akan bermula dengan *father* atau bapa atau pak. Sementara



Digram 1: Sistem panggilan mengikut generasi

bagi generasi *children* atau anak panggilan bermula dengan abang bagi lelaki dan kakak bagi perempuan. Lafont (1964) yang turut membuat penelitian ke atas sistem kekeluargaan masyarakat Cham, dan telah membuktikan bahawa masyarakat ini mempraktikkan sistem kekeluargaan yang dinamakan '*oriented Hawaiian system*' dan buktinya seperti yang tertera pada Digram 1.

Digram 1 menunjukkan sistem panggilan yang diguna pakai oleh masyarakat Cham di Pekan, Pahang. Panggilan yang tertera pada digram ini boleh diteliti secara menegak atau melintang menerusi Ego yang bertindak sebagai individu yang menjadi rujukan. Terdapat tiga kumpulan utama, yang pertama kumpulan yang dinomborkan dengan +1, +2, +3, +4, dan +5. Kumpulan ini dilabelkan mengikut generasi bermula daripada Ego sehinggalah generasi yang kelima dan dilabelkan sebagai +5. *Term of references* yang digunakan adalah menggunakan bahasa Khmer, misalnya *Mday* adalah panggilan untuk ibu dan *Aupok* merupakan panggilan untuk bapa. Panggilan ini turut digunakan untuk memanggil ibu dan bapa angkat dan ibu dan bapa mertua. Manakala *Cidon* merupakan *term of references* bagi nenek dan *Citaa* untuk datuk. Seterusnya *term of references* untuk generasi ketiga hinggalah kelima seperti pada Digram 1.


Manakala kumpulan kedua dilabelkan dengan nombor; -1, -2, -3, dan -4. Label yang diberikan menunjukkan generasi yang lebih muda daripada Ego. Individu yang tergolong dalam kumpulan -1 akan di kelaskan sebagai *kon* atau anak, diikuti -2 sebagai *cau* atau cucu, -3 sebagai *cicit*, dan yang terakhir -4 dikelaskan sebagai *piut*.

Kumpulan yang ketiga merupakan kumpulan yang berada selari dengan Ego dan mereka merupakan adik-beradik kepada Ego. Walaupun mereka ini berada dalam garis generasi yang sama, namun dibezakan antara satu sama lain berdasarkan aturan kelahiran secara biologi. Keadaan ini sama seperti yang diamalkan oleh masyarakat Melayu yang mementingkan perbezaan 'tua-muda'. Seperti kajian yang dilakukan oleh McKinley (1981) tentang sistem persaudaraan dalam masyarakat Melayu mendapati terminologi adik-beradik berdasarkan '*birth oder term*' menjadi amalan masyarakat ini.

Terminologi yang digunakan oleh masyarakat Melayu memperlihatkan satu bentuk sistem panggilan adik-beradik yang begitu sistematik dan berstruktur. Terdapat satu set perkataan khusus yang digunakan oleh masyarakat Melayu dalam menentukan urutan atau kedudukan mereka dalam keluarga. Misalnya long merujuk kepada anak yang 'pertama', ngah merujuk kepada anak yang 'tengah', lang merujuk kepada yang 'bersilang' atau '*across*', andak merujuk kepada yang 'pendek' atau 'pandak', teh merujuk kepada yang 'putih', tam merujuk kepada yang 'hitam', uda merujuk kepada yang 'muda', dan su merujuk kepada yang 'bongsu' (McKinley, 1981).

Masyarakat Cham memperlihatkan persamaan dari segi pengkelasan terminologi yang digunakan untuk memanggil generasi Ego, sama seperti yang dinyatakan oleh McKinley (1981). Sila lihat Digram 2 untuk penjelasan lanjut. Terminologi Cik digunakan pada pangkal panggilan diikuti dengan Long, Ngah, Wan, De, Tam, Teh dan Su. Penggunaan Cik pada pangkal panggilan memperlihatkan kesantunan bahasa di samping menunjukkan rasa hormat yang tinggi. Selain dari penggunaan perkataan


Cik masyarakat Cham juga menggunakan terminologi Wan bagi saudara yang ketiga dalam keluarga. Ini sedikit berbeza dengan masyarakat Melayu yang menggunakan 'Lang' bagi saudara yang ke tiga dan 'Andak' kepada yang berikutnya. Tidak ada istilah 'Lang' dan 'Andak' bagi masyarakat Cham. Sekiranya Ego mempunyai bilangan adik-beradik lebih dari tujuh orang, maka saudara yang ke lapan dan seterusnya akan menggunakan terminologi 'Su' diikuti dengan nama mereka. Terminolgi yang digunakan oleh masyarakat Cham di Pahang memperlihatkan persamaan dengan masyarakat Cham di Selatan Vietnam seperti yang dikaji oleh Lafont (1964).



Digram 2: Terminologi yang digunakan untuk Memanggil (*addresses*) Generasi Ego

Dari segi panggilan pula terdapat sedikit perbezaan di antara masyarakat Cham dan masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu membezakan jantina adik beradik dengan menggunakan perkataan 'Bang' atau Abang bagi lelaki dan 'Kak' atau Kakak bagi perempuan. Tetapi bagi masyarakat Cham adik-beradik yang lebih tua dari Ego akan dirujuk sebagai *Boung* tanpa mengira jantina, dan *Pheon* merujuk kepada adik-beradik yang lebih muda daripada Ego. Sebaliknya jika seseorang ingin mengetahui status jantina individu terbabit, mereka akan bertanya jantিনanya. Biasanya jantina individu yang dirujuk atau dipanggil akan diletakkan pada akhir nama rujukan atau panggilan dengan menambah perkataan *srey* (bahasa Khmer) bagi perempuan dan *perauh* (bahasa Khmer) bagi lelaki.

Rujuk Digram 3 untuk penjelasan lanjut berhubung dengan sistem rujukan dan panggilan bagi masyarakat Cham dalam kerangka yang lebih menyeluruh dan merangkumi generasi yang berbeza.



Digram 3 : Sistem Nama Rujukan (*Terms of Reference*) dalam Huruf Gelap dan Nama Panggilan (*Terms of Address*) dalam Huruf Condong

Panggilan kepada ibu bagi masyarakat Cham adalah dengan menggunakan bahasa Melayu Champa iaitu Mak, sementara panggilan bagi bapa adalah Yah atau Pa, ianya hampir sama dengan masyarakat Melayu. Namun istilah rujukan menggunakan bahasa Khmer kepada kedua ibu bapa adalah *Aupok* kepada bapa dan *Mday* kepada ibu. Kedua-dua istilah ini turut digunakan oleh ibubapa angkat dan juga ibubapa mertua.

Ibu saudara dan bapa saudara di sebelah ibu atau bapa dirujuk dengan panggilan yang sama, contohnya *Aupok Tom* merujuk kepada bapa saudara dan *Mday Tom* merujuk kepada ibu saudara. Panggilan bagi kedua-dua ibu dan bapa saudara ini adalah Wak Long, tanpa mengira jantina. Begitu juga bagi Wak Ngah dan Wak Wan, hanya nama individu terbabit yang dapat membezakan samada Wak Long, Wak Ngah atau Wak Wan adalah bapa atau ibu saudara. Sementara istilah *Ming* (ibu saudara) dan *Mier* (Bapa saudara) merupakan istilah rujukan bagi ibu atau bapa saudara yang lebih muda daripada ibubapa Ego. Namun mereka ini dipanggil sebagai Su dan diikuti dengan nama ibu atau bapa saudara tersebut.

Seterusnya bagi generasi datuk dan nenek dirujuk sebagai *Cidon* dan *Chitaa*, dan mereka dipanggil sebagai *Aoung* (datuk) dan *Mei* (nenek). Istilah yang sama digunakan untuk merujuk kepada adik-beradik kepada datuk dan nenek. Dalam konteks yang lebih luas panggilan yang sama turut digunakan oleh generasi Ego bagi merujuk saudara jauh yang tergolong dalam generasi datuk dan nenek. Bagi generasi moyang, terminologi yang digunakan adalah berasal dari bahasa Khmer. *Cidon Tuet* merujuk kepada moyang perempuan dan *Citaa Tuet* merujuk kepada moyang lelaki. Panggilan kepada kedua-dua moyang ini adalah *Tok Yang Perauh* bagi moyang lelaki dan *Tok Yang Srey* bagi moyang perempuan. Untuk membincangkan generasi yang lebih muda daripada Ego sila rujuk kumpulan yang dilabelkan dengan -1 (lihat Digram 1). Individu yang tergolong dalam kumpulan -1 adalah terdiri daripada generasi anak kepada Ego, dan ia dirujuk sebagai *kon* (anak), sekiranya *kon* tersebut lelaki dirujuk sebagai *kon perauh*, dan jika anak tersebut adalah perempuan dirujuk sebagai *kon srey*. Bagi individu yang tergolong dalam kelompok -2 atau kelompok generasi cucu lebih dikenali dengan *cau* atau cucu. *Cau* merujuk kepada semua kategori cucu tidak kira cucu daripada anak sendiri atau cucu daripada anak saudara. Untuk generasi -3, dirujuk sebagai *cicit*, dan generasi -4 dirujuk sebagai *piut*. Kesemua mereka akan dipanggil dengan nama yang diberikan oleh ibubapa. Sementara bagi pasangan kepada adik-beradik atau lebih dikenali dengan ipar-duai di kalangan masyarakat Melayu. Terminologi yang digunakan adalah *Thelai* tidak kira lelaki atau perempuan. Jika seseorang ingin mengetahui samada *Thelai* tersebut lebih berusia berbanding dengan Ego maka *Boung Thelai* (abang atau kakak ipar) akan disebut, begitu juga jika *Pheon Thelai* disebut maka ia merujuk kepada ipar lelaki atau perempuan yang lebih muda atau adik ipar.

## Kesimpulan

Dari segi penyusurgaluran keanggotaan seseorang individu dalam masyarakat Cham sememangnya adalah berorientasikan '*cognatic descent*' di mana individu dari kelompok keturunan samaada di sebelah ibu atau bapa diberi hak keanggotaan yang sama.

Masing-masing mempunyai hak dan menduduki strata yang hampir sama kecuali kedudukan mereka dari segi 'birth order'. Sementara dari segi sistem panggilan dan sistem rujukan yang diguna pakai dalam masyarakat Cham adalah berorientasikan 'Hawaiian System' seperti yang dinyatakan oleh Murdock (1949), dan Lafont (1964). Penggunaan sistem ini yang dikelasifikasikan sebagai jelas lebih ringkas dan mudah berbanding dengan sistem-sistem kekeluargaan lain, di mana individu dalam kategori yang sama dirujuk dan dipanggil dengan istilah yang hampir sama. Tiada perbezaan yang jelas dari segi gender, atau dengan kata lain orientasi sistem ini mempunyai ciri-ciri 'genderless'. Hanya penambahan nama individu pada akhir panggilan atau rujukan dapat menentukan jantina seseorang individu. Berdasarkan penelitian yang dibuat mendapati masyarakat Cham mementingkan 'birth order term' seseorang anggota keluarga. Saudara yang lebih tua dihormati bukan sekadar dengan menunjukkan perlakuan malah dapat dilihat dengan sistem panggilan yang kemas dan menurut aturan yang diguna pakai oleh masyarakat ini.

Terminologi yang digunakan oleh masyarakat Cham ini mempunyai pengaruh Melayu Champa, dan Khmer. Apa yang jelas terminologi rujukan lebih jelas dipengaruhi oleh bahasa Khmer, sementara terminologi panggilan dipengaruhi oleh bahasa Champa dan Melayu. Secara keseluruhan masyarakat Cham masih menggunakan terminologi yang mempunyai percampuran pengaruh bahasa Melayu Champa dan Khmer, walaupun selepas lebih dari 35 tahun mereka mendiami negara ini. Penggunaan terminologi ini jelas menunjukkan masyarakat ini yang masih mengekalkan sistem panggilan dan sistem rujukan seperti yang diamalkan di Negara Kemboja. Percampuran terminologi dari bahasa Khmer dan bahasa Melayu Champa masih dikekalkan disebabkan faktor sejarah penghijrahan yang berlaku sebelum ini. Namun apa yang jelas terdapat banyak persamaan dari segi penggunaan terminologi bahawa Melayu Champa dan bahasa Melayu di Semenanjung Malaysia, khususnya yang melibatkan terminologi panggilan.

## Rujukan

- Abdullah Mohamed Nakula 1989, 'Keturunan Melayu di Kemboja dan Vietnam: Hubungannya dengan Semenanjung dengan Tumpuan Khas kepada Negeri Kelantan', dalam Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh (ed), *Warisan Kelantan VIII*, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Abdul Rahman Al-Ahmadi 1988, *History and Culture of Champa*, Ministry of Culture and Tourism Malaysia, Kuala Lumpur.
- AR, Radcliffe\_Brown 1952, *Structure and Function in Primitive Society: Eassays and Address*, The Free Press, New York.
- Aulette, JR 2002, *Changing American Families*, Allyn Bacon, Boston.
- Banks, David, J 1974, 'Malay Kinship Terms and Morgan's Malayan Terminology: The Complexity of Simplicity', *Bijdragen Tot de Taal-Land-en Volkenkunde*. Vol. 130, No.1, pp. 44-68.

- Banks, David, J 1983, *Malay Kinship*. Institute for the Study of Human Issues, Philadelphia, Pennsylvania.
- Barnes, JA 1971, *Three Styles in the study of Kinship*, Tavistock publication, London.
- Birdwell, LD, dan Vander Mey, B 2000, *Sociology of the Family Investigating Family Issues*. Allyn Bacon, Boston.
- Bohannon, P dan Middleton, J 1968, *Kinship and Social Organizations*, The Natural History Press, New York.
- Chandler, DP 1992, *A History of Cambodia*, Westview Press, Boulder, CO.
- Chandler, DP 1999, *Brother number one: A political biography of Pol Pot*, Westview Press, Boulder, CO.
- DeGenova dan Phillip Rice 1990, *Intimate Relationships, Marriages, and Families*, MacGraw Hill, New York.
- Dube Leela 1996, *Negotiating Patriliney: Intra-household Consumption and Authority in Northwest India, Shifting Circles of Support: Contextualising Gender and Kinship in South Asia and Sub-Saharan Africa*, AltatMira Press, Walnut Creek.
- Eggan Fred 1979, *Kinship, International Encyclopedia of Social Sciences: Biographical Supplement*, Vol.18. pp.163-166.
- Fatimah Daud 1985, 'Perbandingan Stratifikasi Sosial Kerabat Nik, Wan, dan Che di Kelantan', dalam Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir Yusuf (Eds), *Kelantan dalam Perspektif Sosio-Busaya: Satu Kumpulan Esei*, Penerbit Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya: Kuala Lumpur, pp. 229-244.
- Fox Robin 1967, *Kinship and Marriage*, Penguin Books Ltd. England.
- Gough Kathleen 1961, 'Nayar: Central Kerala' in David M.Schneider and Kathleen Gough (eds.), *Matrilineal Kinship*, University of California Press: Berkeley.
- Kiernan Ben 1990, 'The Genocide in Cambodia 1975-1979', *Bulletin of Concerned Asian Scholars*, Vol. 22, No. 2, pp. 35-40.
- Kiernan Ben 1996, *The Pol Pot Regime: Race, Power and Genocide in Cambodia Under the Khmer Rouge, 1975-1979*, Silkworm, Chiang Mai.
- Labussiere, Inspector 1880, 'Rapport sur les Chams et les Malais de l'arrondissement de Chaudos', *Excursions et Reconnaissances* 2, no.6, pp.372-380.
- Lafont, PB 1964, 'Contribution a l'etude des Structures Sociales des Cham du Viet-Nam', *Bulletin de l'ecole francaise d'extreme Orient (BEFEO)*, Vol. 52. No. 1, pp.157-171.

- Lafont, PB 1994, 'On the Relations Between Champa and Southeast Aisa', dalam *Proceeding of the Seminar on Champa*, University of Copenhagen on May 23, 1989, pp 65-75, Paris: Centre for the Study of History and Cultures on the Cultures of the Indochinese Peninsula.
- Lafont, PB 1995, 'Hubungan Kelautan dan Perdagangan antara Indocina dengan Semenanjung Tanah Melayu (Abad ke-15 hingga ke-17)', dalam Ismail Hussein, A. Aziz Deraman dan Abd. Rahman Al-Ahmadi (eds) (3rd ed.), *Tamadun Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pp. 1132 - 1146.
- Marshall, M 1981, 'ntroduction: Approach to Siblingship in Oceania', *Siblingship in Oceania: Studies in the Meaning of Kin Relations*, The University of Michigan Press, Ann Arbor, Honolulu, pp. 1-16.
- Mohamad Zain Musa 2001, 'The Malay and Cham Relations with the Kingdom of Cambodia during and after the French Protectorate Period (1863-2000)', *JMRAS* LXXIV no.2, pp. 1-21.
- Mohamad Zain Bin Musa dan Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman 2003, *Masyarakat Cam Sepanjang Zaman*, Ikatan Ahli-ahli Arkeologi Malaysia, Kuala Lumpur.
- Murdock, GP 1949, *Social Structure*, Macmillan Co, New York.
- Nik Zaharah Nik Din 1977, *The Cambodian Refugees in Kelantan*, BA Thesis, Department of Southeast Asian Studies University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Pesternak, Burton 1976, *Introduction to Kinship and Social Organization*, Englewood Cliffs, Prentice Hall: N.J.
- Po Dharma 1990, 'Hubungan Champa dengan Tanah Semenanjung dan Kepulauan Melayu', *Journal Bahasa, Kesusteraan dan Kebudayaan Melayu*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, No. 8, pp.3-17.
- Po Dharma 2000, *L'Insukinde Malaise et le Campa*, dalam BEFEO, 1-87, pp.192-193.
- Po Dharma 2003, Hubungan Antara Champa dengan Kelantan, dalam Abdul Aziz Deraman (ed), *Peradaban Melayu Timur Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Supang Chantavanich, dan Reynolds, EB (eds) 1988, *Indochinese Refugees : Asylum and Resettlement*, Asian Studies Monographs, University of Chulalongkorn, No. 039.
- Supang Chantavanich 1988, Indochinese Refugees in France: Solidarity and Its Limits, dalam Supang, C. and Reynolds, E.B., (eds) *Indochinese Refugees: Asylum and Resettlement*, Asian Studies Monographs, University of Chulalongkorn, No.039.



Wong, Tze-Ken Danny 2008, 'Research on Cham History in Malaysia', dalam *Asian Research Trends: New Series* (The Toyo Bunko, Tokyo), No. 3, pp. 25-44. .

Ysa Osman 2002, 'Oukoubah: Justice for the Cham Muslims Under the Democratic Kampuchea Regime', Documentation Series No. 2, Documentation Centre of Cambodia, Phnom Penh.

Zakaryya Adam 2003, 'Bahasa Melayu Champa: Hubungan dalam Peradaban Melayu', dalam Abdul Aziz Deraman (ed), *Peradaban Melayu Timur Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

## Endnotes

- <sup>1</sup> Dr Siti Nor adalah seorang Pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- <sup>2</sup> Salah seorang daripada '*key informant*' menjelaskan kepada saya tentang kitab-kitab yang dipelajari di surau yang mana sesebuah kitab mengambil masa lebih dari setahun untuk dihabiskan. Beliau membuat catatan pada setiap kitab bila ia mula di pelajari dan bila ia habis dipelajari. Berdasarkan pemerhatian saya selama tinggal bersama masyarakat ini mendapati kelas pengajian ini dijalankan setiap hujung minggu khusus untuk membaca kitab-kitab tersebut. Sementara pada kelas membaca al-Quran dan ceramah agama turut dijalankan setiap minggu. Penyertaan daripada seluruh penduduk kampung adalah amat memberangsangkan.